TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS menulis...

Wakil2 rakyat BN yang baru pertama kali menang, jangan jadi 'si kudung dapat cincin', hingga lupa tempat berpijak

Usah perkecil kekalahan parti2 lawan



Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

SEMANGAT Lim Kit Siang dan pemimpin-pemimpin DAP yang lain bersemarak semula apabila dua calonnya di Sarawak, sementara seorang lagi di Sabah diumumkan menang dalam pilihanraya yang berakhir 25 April lalu. Suara Lim Kit Siang meninggi semula untuk menutup parut-parut luka di dadanya setelah tergolek dalam pilihanraya di Semenanjung pada 22 April sebelumnya.

Seuma orang tahu betapa monyoknya Lim Kit Siang, bagai 'ayam berak kapur' dengan keputusan pilihanraya di Semenanjung. Beliau sendiri tewas bagi Dewan Undangan Negeri Melaka, di Bandar Hilir. Sementara rakan-rakannya — Lim Cho Hock, Lee Kaw, Chian Heng Kai dan Lau Duk Kee — tumpas di kubu kuat DAP.

Yang paling sedih bagi Lim Kit Siang ialah gugurnya penghulu DAP, Dr. Chen Man Hin, di tengah gelanggang sendiri, di Parlimen Seremban, yang dikuasainya sejak 1969. Ini ditambah lagi dengan tewasnya 'pelapek dada' Lim Kit Siang, iaitu P. Patto, di kawasan yang pernah diwakilinya sendiri, iaitu Petaling.

Keputusan pilihanraya pada 22 April itu benar-benar meletakkan DAP dalam keadaan 'ikan mabuk tuba'.

Dengan kemenangan dua calonnya di Sarawak, cukuplah untuk mengubati hati Lim Kit Siang yang pedih dihiris sembilu. Beliau sewajarnya berbangga kerana inilah pertama kali DAP mencuba nasib di Sarawak. Kejayaan calon mereka di Bandar Kuching dan Sibu amatlah besar ertinya kepada mereka.

Bagaimanapun, semua orang tahu bahawa di dua kawasan tersebut sebahagian besarnya ialah pengundi Cina. Sedikit sahaja pengundi-pengundi Bumiputera.

Seperti di Semenanjung, DAP tetap menggunakan isu perkauman sebagai senjata sulitnya untuk bertapak di Sarawak.

Di Semenanjung, isu perkauman DAP sudah mula tidak diminati oleh pengundi-pengundi. Mereka sedar bahawa 'meriam buluh' DAP selama ini semata-mata 'indah khabar dari rupa' saja. Sebab itulah dari awal-awal lagi, setelah hari penamaan calon, kita sudah merasa mereka akan mengalami kekalahan memandangkan barisan calon-calon mereka.

Baik DAP mahupun PAS, terpaksa berhempas pulas untuk mendapatkan calon-calon bertanding. Apabila calon-calon yang dikehendakinya tidak ada, maka mereka terpaksa mengemukakan calon-calon sekadar mahu menyertai pilihanraya atau membanyakkan mangkuk saja.

Di Negeri Sembilan, umpamanya, DAP dan PAS meletakkan calon-calon sekadar 'dari cempedak biarlah nangka, dari tidak biarlah ada' sahaja, di samping seorang berdua tokoh pentingnya. (Di sini saya tidak bermaksud merendah-rendahkan kedudukan seseorang, tetapi hanya memberikan contoh. Tidak lebih dari itu).

Calon DAP di Parlimen Jelebu yang menentang Datuk Rais Yatim hanya pemandu teksi. Manakala calon PAS pula tidak dikenali, sekalipun dari segi peribadi beliau orang yang baik. Begitu juga calon DAP, yang menentang Datuk Mokhtar Hashim di Parlimen Tampin, cuma pemandu lori.

Keadaan serupa ini juga terdapat di beberapa kawasan lagi. DAP dan PAS terpaksa mengemukakan calon-calon tersebut untuk menunjukkan keupayaan mereka menghadapi pilihanraya. Hakikat sebenarnya lebih merupakan 'biar pape ase bergaye'.

Apa yang mereka tonjolkan ini, secara tidak langsung menggambarkan kedudukan parti-parti tersebut ketandusan ahli. Sebab itulah dari awal-awal lagi penyertaan mereka, Barisan Nasional sudah dapat membayangkan bahawa kemenangan berada di ambang pintu.

Dengan sendirinya terbukalah tembelang DAP dan PAS selama ini bahawa mereka bukanlah parti yang berakar umbi di jiwa rakyat. Apabila menjelang pilihanraya, barulah mereka memasang gelegar buluh, berdegar di darat, berdegar di baruh. Tidak seperti Barisan Nasional, khususnya UMNO. Jenteranya sentiasa bergerak dan hidup sepanjang masa, tidak kira sama ada musim pilihanraya atau pun tidak.

Namun demikian, dari keputusan pilihanraya itu, calon-calon tersebut juga memperolehi beribu-ribu undi. Hal ini bukanlah bermakna kewibawaan calon tersebut menonjol. Kalau kita perhatikan dalam setiap kali pilihanraya sejak tahun 1959, di mana-mana kawasan pun, sama ada Parlimen atau Dewan Negeri, terdapat undi-undi untuk pembangkang.

Di beberapa kawasan, calon-calon pembangkang tidak pun kelihatan memberikan ceramah. Tidak ada penyokong-penyokong bergerak memancing undi. Malah, poster-poster yang mempamerkan gambarnya — tertampal di tembok-tembok atau pokok-pokok — boleh dikira dengan jari. Dalam keadaan demikian pun, mereka masih memperolehi undi.

Perkara inilah harus diberi perhatian oleh wakil-wakil rakyat Barisan Nasional yang telah menang. Khususnya mereka yang baru pertama kali menjadi wakil rakyat. Janganlah dengan kemenangan ini boleh menjadikan diri "si kudung dapat cincin, hingga lupa di mana kaki tempat berpijak" dan jembatan tempat menyeberang.

Kejayaan besar Barisan Nasional akan diuji lagi — setiap lima tahun sekali. Sekiranya wakil-wakil rakyat yang dipilih mudah menukar sikap seperti 'kaduk naik junjung', akhirnya akan mabuk daun. Kalau sirih naik junjung, sekalipun tidak mabuk daun, tetap digemari orang.

Perikatan pernah mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya 1964. Apa yang berlaku sesudahnya harus menjadi kaca perbandingan. Sekali jalan kena, dua kali jalan tau, tiga kali mestilah jalan mengena pula. Akibat 'kaduk mabuk daun' selepas pilihanraya 1964, parti Perikatan pun mengalami keadaan 'demam tak kebah' dalam pilihanraya 1969.

Tindak-tanduk selepas pilihanraya 1964 tidak banyak memikirkan ujian untuk masa lima tahun kemudiannya. Beban cukai yang dikenakan kepada rakyat dianggap perkara biasa. Kerajaan merasakan pembangunan yang disediakan boleh dijadikan hadiah kepada rakyat untuk menyokong mendapatkan mandat semula. Perhitungan ini ternyata salah.

Apa yang berlaku di masa lalu patutlah dijadikan iktibar, supaya langkah tidak sumbang lagi. Kekalahan parti-parti lawan juga tidak harus diperkecil, kerana sepandai mana mengharung becak sekali-sekala basah juga kaki seluar.

Meskipun DAP dan PAS kalah teruk, tetapi dalam masa lima tahun, banyak perkara boleh berlaku. Datuk Seri Dr. Mahathir ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu, pernah menegaskan dalam Perhimpunan Agung Pemuda UMNO bahawa 'masa' boleh mengubah sesuatu keadaan.

'Masa' boleh mengubah Britain dari kuasa penjajah terbesar di dunia kepada negara yang menghadapi tekanan ekonomi yang gawat. 'Masa' boleh menurunkan seorang berpangkat tinggi kepada tidak berpangkat. 'Masa' boleh menjadikan orang lemah lebih kuat. Kata-kata Datuk Seri Dr. Mahathir beberapa tahun dulu amat baik dijadikan panduan kita.

Pucuk pimpinan telah banyak memberi peluang kepada tokoh-tokoh muda berpotensi dan berpendidikan tinggi. Sama ada peringkat pusat mahu pun negeri, tokoh-tokoh muda ditonjolkan. Jawatan yang diberikan itu bukanlah untuk dimegahkan, tetapi adalah tanggungjawab yang diamanahkan. Inilah ujian untuk membuktikan kejujuran serta dedikasi seseorang.

Slogan bersih, cekap dan amanah itu bukan sekadar untuk dinyanyikan dalam dendangan irama merdu saja. Ia mesti dipraktikkan. Rakyat akan melihat kemampuan dari sudut ini sekarang, bukan masalah pembangunan negara dan luar bandar seperti di tahun 1964 dulu.

Dari 132 Ahli Parlimen BN, 60 orang — iaitu hampir separuh — diberikan tugas dalam kerajaan. Sebahagian besarnya dari golongan teknokrat dan professional muda yang banyak tenaga. Dr. Mahathir telah memberikan kereta baru dengan panduan ke arah mana hala tujuannya, sasaran mana harus ditinang.

Sekarang, terserahlah kepada pemandunya mengambil daya usaha sendiri. Perahu sudah di air, dayung sudah di tangan. Pandai-pandailah meniti buih supaya selamat sampai ke seberang. Kalau sudah putus kain pendukung, anak nak mati, mati juga, barulah boleh dikatakan bukan salah ibu mengandung, tetapi sudah takdir celakanya badan.

DAP dan PAS sudah pasti tidak semudah itu mengaku kalah. Dalam beberapa hari kebelakangan ini, banyak kenyataan akhbar mereka berhasrat untuk memulihkan jentera parti masing-masing. Kerosakan yang dialami tidak semestinya tidak boleh diperbaiki. Mereka sedang memperbaiki kerosakan tersebut.

Sekalipun DAP kalah teruk di Semenanjung, sehingga kubu-kubu kuatnya turut hancur, tetapi sekiranya kita teliti, sokongan yang mereka terima sebahagian besarnya adalah pengundi-pengundi Cina. Orang-orang Cina masih menggantungkan harapan kepada DAP.

Walaupun Dr. Chen Man Hin mendakwa kedatangan Dr. Mahathir ke Seremban menyebabkan DAP kehilangan sokongan undi Melayu yang dijangkakannya antara 20 ke 40 peratus menjadi 10 ke 20 peratus saja, tetapi apakah alasan beliau untuk memperkuatkan dakwaan ini?

Apakah beliau dasarkan kepada 1,232 undi rosak itu? Undi rosak itu sebahagian darinya adalah undi protes — bukan disebabkan tidak sengaja. Dari jumlah ini sebahagian besarnya datang dari undi Melayu.

Saya mendapat tahu dari risikan yang dibuat oleh pekerja-pekerja BN yang disampaikan ke bilik gerakan, bahawa lebih 95 peratus dari 14,254 pengundi Melayu di Seremban mengundi BN, walaupun tidak dapat dikatakan seratus peratus. Mereka yang tidak bersetuju sengaja merosakkan undi sejumlah 1,232 itu, tetapi tidak mengundi DAP.

Dengan 23,258 undi diperolehi oleh Datuk Lee San Choon, sebahagian besarnya bukanlah undi kaum Cina. Datuk Lee mendapat sokongan undi Melayu dan sebahagian besar dari 8,940 pengundi India, di samping undi Cina. Sebaliknya jumlah 22,413 undi yang Dr. Chen Man Hin perolehi adalah mutlak undi pengundi-pengundi Cina. Di sini amat jelas bahawa DAP mendapat sokongan satu kaum saja dalam perjuangan politiknya.

Memang kita tidak dapat memberikan butir-butir tepat jumlah undi dari pecahan kaum tertentu. Pengundian dijalankan secara rahsia. Bagaimanapun anggaran kasar dapat diperhitungkan dari angka-angka yang diperturunkan — dan kecenderungan politik satu-satu kaum.

Atas alasan ini, janganlah BN menganggap kekalahan DAP boleh membawa parti itu gulung tikar. Projek 1983nya yang gagal kali ini, mungkin sedang disusun untuk digunakan pada waktu yang lebih sesuai. Di kawasan-kawasan yang mereka mengalami kekalahan, pasti akan diperkuatkan lagi. Lebih-lebih lagi dalam pilihanraya akan datang kawasan-kawasan yang ada sekarang pasti berubah.

Orang ramai belum diberitahu lagi oleh Suruhanjaya Pilihanraya tentang perubahan kawasan ini. Sebab itulah di samping kita mengkaji kelemahan lawan, kita harus juga mengkaji kekuatannya. Kerana sepatah kata Dr. Mahathir, 'masa' boleh mengubah sesuatu keadaan. Semuanya tidak akan mustahil bila Allah SWT sudah menentukan 'masa' untuk mengubah sesuatu.

DAP sebagai parti pembangkang tentu mempunyai banyak isu untuk dijadikan modal. Tidak sama dengan BN yang menjadi kerajaan, terpaksa bertahan. Dalam beberapa hal ia akan mendedahkan kelemahan-kelemahan di satu pihak saja. Kelemahan-kelemahan inilah dipergunakan oleh DAP untuk diputarbelitkan kelak.

Begitu jugalah dengan PAS. Kekuatannya tidak banyak menurun di Kedah. Mereka hanya hilang banyak kerusi, tetapi tidak hilang sokongan rakyat.

Di Kelantan Trengganu, kekua PAS bertambah dibandingkan den tahun 1978. Semen di Pahang, jumlah u di semua kawas Parlimennya m ingkat dari lebih 30, tahun 1978, kepada 46, dalam pilihanraya ini.

Sebab itulah saya takan bahawa kita ngan mengka kelemahan lawan sa Kalau kita senantia memperkecilk kelemahan lawa akhirnya akan melet kan kita 'masuk bal angkat sendiri' menja 'bajak wangkang mak diangkat'. Dalam ke daan demikia bukanlah lawan yang mah, sebaliknya ki sendirilah yang ak kecundang.

PAS juga banyak i untuk dijadikan mod terutama untu mengelirukan rakya Walaupun pengaru PAS dengan keman puan tenaganya yan ada sekarang sukar u tuk mengembangkans yapnya di pantai bara Semenanjung untu tempoh lima tahun lag ini tidak bermakna PA bersikap 'diam-diar besi, semakin har semakin berkarat'.

Saya percaya PA menyusun strateginya laksana 'mata air d kaki bukit'. Kalau kita tidak berusaha mengalirkan airnya ke tempat lain, lama ke lamaan ia boleh merobohkan tebing.

Adalah sia-sia bagi kita mengempang air yang mengalir deras nanti, kalau tidak diawasi mata airnya mulai dari sekarang. ■

KABINET WAJA DR. M...

BANYAK soalan yang sentiasa mengganggu fikiran kita seolah-olah telah terjawab sendiri dengan pengumuman kabinet baru Dr. Mahathir (M) yang dapat dianggap sebagai kabinet waja Dr. M. Sebelum ini, kita tertanya-tanya mengapa Datuk Rais Yatim 'dilucutkan' dari jawatannya sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan, apakah salahnya Encik Adib Adam dipindahkan dari Melaka ke Kuala Lumpur? Siapakah agaknya yang layak menggantikan tempat Datuk Shariff Ahmad dan Richard Ho yang tidak bertanding dalam pilihanraya lalu. Rakyat juga sering bertanya tentang 'nasib' yang akan menimpa Sdr. Anwar Ibrahim dan Abdul Rahim Bakar, bekas Menteri Besar Pahang, itu.

Kabinet baru telah terbentuk selepas genap seminggu pilihanraya.

Dr. M menubuhkan kabinetnya yang lalu dua hari sahaja selepas ia mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri menggantikan Datuk (Tun) Hussein Onn pada 16 Julai, 1981. Dengan tindakannya itu, tidak pula bermakna yang PM tergesa-gesa menyenaraikan nama-nama dalam kabinet barunya.

Dapat dianggap 'planningnya' telah dirancang berbulan sebelum ini. Kalau tidak, takkanlah berlaku 'pertukaran', 'penghijrahan' dan 'persaraan' beberapa Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar.

Kalaulah keputusan pilihanraya Sabah dan Sarawak diumumkan serentak dengan keputusan pilihanraya di Semenanjung, mungkin jugalah Dr. M akan mengambil masa dua hari untuk mengumumkan kabinetnya.

Dalam susunan yang baru nanti, dapatlah kita melihat bagaimana... tindakan tenaga dinamis golongan muda mengendalikan kementerian yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Rakyat sudah terlonjak-lonjak ingin melihat 'rentak tari' Sdr. Anwar Ibrahim yang sebahagian usianya 'dibesarkan' di atas 'Speakers Corner' di Kampus Universiti Malaya.

Jikalau dulu dia hanya bersuara dari luar, tapi dalam kabinet baru Dr. M dia telah dilantik mengemudikan satu kementerian dan diharapkan kemudinya tidak patah di tengah jalan.

Senarai Menteri-menteri dan Timbalan Menteri yang menganggotai kabinet Dr. M dapat dikatakan 'solid' — percampuran antara tenaga muda yang dinamik dengan golongan veteran yang berpengalaman dan tahan uji.

Dr. M pernah melahirkan pendapatnya dengan mengatakan bahawa pemimpin politik adalah penting dan asas kemajuan sesebuah negara. Merekalah yang membentuk polisi dan menjadi tanggungjawab mereka juga untuk menjalankannya, supaya apa jua polisi yang parti tentukan dijalankan dengan sepenuh kejayaan.

Jadi, sungguhpun ada pihak-pihak pegawai yang salah, kita tidak boleh menyalahkan mereka. Kita tidak patut mendengar nasihat yang bertentangan dengan dasar kita sendiri. Oleh itu, akhirnya dari analisa yang macam manapun, yang salah ialah ahli politik dan ahli politik jugalah yang mesti dibetulkan kemudiannya.

Dengan demikian, jastifikasi Dr. M mengambil agak ramai tenaga muda menganggotai kabinetnya, di samping mengekalkan golongan veteran, ialah perlunya pendapat orang yang berpengalaman dan idealisme yang datang dari tenaga muda yang belum terpengaruh kepada perkara-perkara yang menyeleweng dari dasar.

Jadi, kedua-dua pihak itu mustahak dalam perjuangan mana-mana parti politik sekalipun.

Walaupun kita tidak dapat menyatakan PM yang manakah yang lebih baik di antara empat PM yang pernah mentadbirkan negara ini, namun perbezaan dari segi 'approach' antara satu dengan yang lain tetap ada. Misalnya Datuk Hussein mengamalkan prinsip 'made do with existing materials' sedangkan Dr. M terpaksa mencari 'bahan-bahannya' dari luar untuk 'menyedapkan' lagi 'hidangan' kabinetnya.

Oleh ABU HASSAN ADAM

Antaranya yang diletakkan kepercayaan oleh rakyat dan tempat rakyat meletak harapan ialah Datuk Rais

Mungkin 'material' yang telah ditinggalkan oleh Datuk Hussein sudah tidak begitu berfungsi lagi. Datuk Hussein terpaksa bertindak berhati-hati dalam apa juga tindakannya, kerana katanya segala tindakannya akan melibatkan kehidupan berjuta manusia. Tetapi bagi Dr. M 'one cannot make an omelette without breaking eggs'.

Sejak mula berkuasa, pentadbiran 2M sentiasa menitikberatkan tentang pelaksanaan satu-satu dasar. Mereka berpendapat, sungguhpun segala perjalanan pertadbiran telah pun mengikut garis yang sebenarnya, namun masih ada yang perlu diperbetulkan bagi mempertingkat lagi prestasi pembangunan.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam, yang terkenal dengan ketegasannya, sudah tentu akan memainkan peranan penting di samping Dr. M dalam mengendalikan beberapa dasar penting kerajaan di samping menghapuskan pengaruh Komunis yang masih cuba meresap masuk ke negara ini.

Dan Datuk Musa juga akan mengambil berat untuk menyekat berlakunya amalan rasuah, terutamanya di kalangan kakitangan Polis dan imigresen yang berada terus di bawah jagaannya.

Selepas sahaja 2M memulakan era pentadbirannya, Datuk Musa telah menutup beberapa anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri yang 'mati segan hidup tak mahu'. Walaupun ajensi kerajaan ini pada asasnya ditubuhkan untuk menolong kaum Bumiputera menyertai perniagaan, tetapi kesan sebaliknya, ia melahirkan pegawai-pegawai yang rasuah — menyalahgunakan wang rakyat.

Walaupun ada kalangan yang meragukan tentang kesan yang mungkin timbul hasil penutupan yang Datuk Musa jalankan itu, namun Datuk Musa terus menjalankan tindakannya. Sekali melangkah, dia tidak bisa menoleh ke belakang. Itulah langkah pahlawan, pejuang yang akan terus berjuang untuk rakyatnya.

'Kepahlawanan' dan keyakinan Datuk Musa kepada apa yang dilakukannya tidak sahaja terhenti setakat menutup beberapa syarikat, tetapi beliau juga cuba membuang pegawai-pegawai yang rasuah, yang tidak menjalankan

Rakyat kini ingin melihat 'rentak tari' Anwar yang sebahagian usianya habis di 'Speaker Corner' UM

tugas dengan cekap dan amanah. 'Persaraan' beberapa wakil rakyat di Johor mungkin tidak disebabkan oleh keadaan demikian. Namun begitu, Datuk Musa telah mengambil tenaga baru mengisi kekosongan dalam pentadbiran Kerajaan Johor.

Bagi tenaga baru yang akan memasuki gelanggang pentadbiran 2M, sudah tentu perlu bersedia dengan segala kelengkapan, menghadapi cabaran yang getir itu. Ini merupakan ujian kepada mereka. 2M akan memerhati dan menganalisa kerja-kerja pemimpin baru ini untuk dijadikan pelapis, bakal pengganti tempat veteran kelak.

Rakyat hanya berdoa agar Allah merestui segala tindak-tanduk 2M.

Datin Maria, isteri Datuk Musa, pernah menyatakan sesuatu mengenai suaminya. Beliau bangga dengan kejayaan suaminya, dan kejayaan Datuk Musa adalah bertolak daripada kebolehan dan kerajinannya.

Pelengkap kepada pentadbiran 2M ialah tokoh yang bertanggungjawab dalam urusan luar kerajaan kita, iaitu Tan Sri Mohd. Ghazali Shafie. Tan Sri adalah termasuk dalam golongan veteran yang masih mendapat kepercayaan Dr. M untuk terus memegang jawatan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Tokoh yang berasal dari Pahang ini pernah menggemparkan apabila ia terselamat dari nahas kapalterbang di Janda Baik beberapa bulan lalu. Beliau pernah disifatkan sebagai 'the best crisis manager in the country'.

Ketokohan Tan Sri bukan sahaja dikenali di dalam negeri, malah dalam arena politik antarabangsa juga. Di antara 'kerja besar' yang pernah dilaksanakannya ialah jayanya rundingan mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah, pengendalian pungutan suara di Sabah dan Sarawak, menyelesaikan krisis rampasan kapalterbang oleh Tentera Merah Jepun, di Kuala Lumpur, dan sebagainya.

Ada juga yang berpendapat beliau adalah setanding, kalau tidakpun melebihi ketokohan Carlos Romulo (Menteri Luar Filipina); Rajaratnam (Bekas Menteri Luar Singapura) ataupun Mocktar Kusumatmadja (Indonesia).

Pengalamannya yang mantap dalam bidang diplomatik menyebabkan sukar Dr. M mencari tokoh lain yang boleh diletakkan di tempatnya.

Adib yang teguh agama berpendapat, pembangunan akan runtuh jika tak bersandarkan kerohanian

Dalam tahun 1950-an beliau pernah bertugas sebagai duta di India. Sekembalinya ke tanahair, beliau menyandang jawatan Ketua Setiausaha di Kementerian Luar selama sepuluh tahun, sebelum dilantik menjadi Senator dalam tahun 1970.

Berdasarkan pengalaman inilah agaknya Tan Sri Ghazali kadang-kadang disegani, terutama oleh rakan sejawatnya dari negara-negara ASEAN. Pernah rakan-rakannya dari negara ASEAN menyambut perlantikannya sebagai Menteri Luar dalam kabinet pertama Dr. M (yang dibentuk selepas sahaja PM dilantik menjadi Perdana Menteri) dengan meramalkan perubahan berlaku dalam suasana di rantau ASEAN.

Ada yang menyatakan Tan Sri akan terus menerus menghidupkan isu yang diperjuangkannya mengenai negara China yang dianggap sebagai ancaman di rantau ini.

Adalah diharapkan agar Tan Sri Ghazali akan memainkan peranan yang penting dalam menyelenggarakan Dasar Luar Negeri Malaysia, dalam kabinet Dr. M nanti.

Malaysia seharusnya berbangga kerana negara kita adalah di antara negara-negara Muslim yang lain di dunia yang telah dipilih sebagai orang tengah dalam menyelesaikan perselisihan Iran-Iraq. Dan menjadi kebanggaan kita yang cadangan kita hendak menubuhkan Universiti Islam antarabangsa telah diterima.

Kerajaan Malaysia bukan sahaja telah menerima beberapa pengakuan tentang sokongan bagi menubuhkan universiti itu, tetapi juga tawaran dari pensyarah-pensyarah luar untuk berkhidmat di universiti yang akan ditubuhkan kelak.

Dalam pelaksanaan beberapa rancangan yang diatur kelak, adalah dipercayai bahawa peningkatan pencapaian Bumiputera dalam lapangan perniagaan akan terus dipergiatkan. Dalam lapangan inilah nanti tenaga-tenaga baru akan mencuba kebolehannya.

Antaranya yang diletakkan kepercayaan oleh rakyat dan tempat rakyat meletakkan harapan ialah Datuk Rais Yatim, yang diberi mandat menjadi Menteri Tanah dan Wilayah.

Sebagai seorang yang mempunyai latarbelakang undang-undang, agak tepatlah 'domain' ini diserahkan kepadanya. Tambahan pula tindakan Datuk Rais ketika menjadi Menteri Besar dulu, agak berjaya dan berkesan dalam hubungan dengan pemilikan harta.

Ketika mengetuai Kerajaan Negeri Sembilan, beliau telah memperuntukkan beratus ribu ekar tanah kepada rakyat negeri itu, menerusi FELDA, FELCRA, tanah yang diusahakan menerusi tanah pinggir dan rancangan negeri. Kesemua tanah-tanah ini diperuntukkan kepada orang Melayu.

Datuk Rais juga pernah menyatakan rasa tidak puas hatinya dengan penyertaan Bumiputera dalam bidang perindustrian terutama di Negeri Sembilan.

Satu hal yang merunsingkan ialah tentang mudahnya kaum Bumiputera menyerahkan perniagaan mereka kepada bukan Bumiputera. Datuk Rais telah memberi contoh tentang begitu banyaknya "sleeping partners" di negerinya itu.

Keadaan serupa ini sebenarnya berlaku di mana-mana di tanahair kita.

Dan bagaimanalah agaknya Dr. M akan bertindak untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah pentadbiran 2M ini akan terus mengikut 'takuk lama' juga? Atau akan adakah perubahan drastik yang bakal dilakukan, terutama dengan penyertaan tenaga dinamik muda?

Walau apapun rancangan atau tindakan yang akan dilakukan, Dr. M telah memberikan pandangan tentang Bumiputera dalam tahun 80-an. Mengikut PM, kelemahan kaum Bumi di bidang ekonomi boleh diatasi bukan dengan bantuan Kerajaan, tetapi peningkatan kebolehan kaum Bumiputera itu sendiri untuk bertanding.

Kerajaan 2M mahukan Bumiputera itu menaikkan taraf sendiri sementara pihak kerajaan akan memberi apa juga bantuan yang terdaya. Kerajaan tidak akan menghulurkan bantuan setiap kali orang itu 'jatuh'. Kerajaan akan sedia memberi tunjuk ajar dan bimbingan bagaimana berdikari dan berlumba mencapai matlamat perniagaannya. Kerajaan tidak akan mengenepikan dasar memberi pertolongan kepada Bumiputera, tetapi bagi kaum Bumiputera itu sendiri perlu mengubah nasib mereka.

Pandangan dan fikiran Dr M dilahirkan dengan

■ BERSAMBUNG DI MUKA 9 ■